

4. Firman Allah Taala :

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ. اللَّهُ الصَّمَدُ. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ. وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ .

سورة الاخلاص: ١ - ٤

Katakanlah (wahai Muhammad) : (Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat, Ia tidak beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan, dan tidak sesiapa pun yang setara dengan-Nya.

[Surah al-Ikhlâs : 1 - 4]

Dalam ilmu aqidah atau ilmu tauhid, seseorang itu boleh juga membuktikan kewujudan Allah dan keesaan-Nya berasaskan dalil aqli yang *ijmali*, iaitu wujudnya makhluk-makhluk di alam dunia ini membuktikan wujud penciptanya, iaitu Allah Azza Wajalla.

Mengikut akal fikiran manusia, adalah mustahil sesuatu benda di alam ini wujud dengan sendirinya tanpa penciptanya. Secara khusus, makanan yang sudah masak dan dihidangkan mustahil akan masak dan terhidang sendiri, tanpa wujud orang yang memasak dan yang menghidangkannya.

Satu bukti yang cukup jelas terbentang di hadapan mata kita dan tidak boleh ditolak oleh akal fikiran manusia kewujudan Allah dan keesaan-Nya yang berdalilkan dalil aqli ialah wujud diri kita (manusia) sendiri dan wujud bumi dan langit, matahari dan bulan, daratan dan lautan, haiwan-haiwan yang melata di bumi, ikan-ikan yang berenang di dalam air, dan lain-lainnya adalah mustahil (tidak diterima oleh akal fikiran manusia) wujud sesuatu itu di alam dunia ini jika tidak ada penciptanya, iaitu Allah s.w.t. yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa.

Kesimpulannya; setiap makhluk yang wujud di alam dunia ini tidak akan wujud sendiri malah ada penciptanya, iaitu Allah s.w.t.. Oleh itu wujud makhluk-makhluk di alam dunia ini adalah menjadi dalil kewujudan Allah dan keesaan-Nya yang

didapati oleh akal fikiran manusia secara logik dan mantiq sebagai dalil akal yang *ijmali* yang bersandarkan dalil naqli (bukan mengikut logik akal semata-mata).

Satu hakikat fitriyah yang wajib diterima dan diimani oleh setiap orang yang beriman bahawa langit dan bumi serta makhluk yang ada di kedua-duanya dan juga diri kita (manusia) sendiri telah wujud di muka alam ini.

Justeru itu kita wajib beriman dengan kewujudan Allah dan keesaan-Nya dan tidak seharusnya kita merasa syak dan ragu-ragu lagi. Firman Allah s.w.t. :

أَفِي اللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ .

سورة ابراهيم: ١٠

Patutkah berlaku sebarang syak tentang wujudnya Allah, yang mencipta langit dan bumi?

[Surah Ibrahim : 10]

Sehubungan dengan ini, orang-orang Musyrikin, apabila ditanya kepada mereka, siapakah yang menjadikan mereka? Mereka akan menjawab : "Allah". Sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah Taala, sikap dan pendirian orang-orang Musyrikin itu di dalam firman-Nya:

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ فَأَنْ يَزُفَكُونُ .

سورة الزخرف: ٨٧

Dan demi sesungguhnya. Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya mereka: "Siapakah yang menjadikan mereka?" Sudah tentu mereka akan menjawab : "Allah". (Jika demikian) bagaimana mereka rela dipesongkan (daripada menyembah dan mengesakan-Nya)?

[Surah ar-Zukhruf : 87]

Jawapan orang-orang Musyrikin ini, sebenarnya bukan jawapan orang yang betul-betul beriman kepada Allah, kerana

mereka hanya mengakui Allah Taala itu yang menjadikan mereka, sedang ibadat mereka masih menyekutukan Allah dengan yang lainnya. Firman Allah Taala :

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ

سورة يوسف : ١٠٦

Dan orang-orang yang beriman kepada Allah, kebanyakannya mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya juga dengan yang lain.

[Surah Yusuf : 106]

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

AQIDAH ATAU TAUHID IALAH :

1. Mempastikan kesahihan iktikad seseorang mengenai ketuhanan, kerasulan, dan sam'iyat dengan berasaskan dalil-dalil naqli dan aqli.
2. Mendedahkan pendustaan dan keraguan orang-orang Musyrikin terhadap orang-orang yang beriman yang mempercayai Allah, malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab Allah, hari akhirat, qadha' dan qadar.
3. Menetapkan keimanan di dalam hati seseorang serta meyakinkan kewujudan Allah dan keesaan-Nya dan mengiktikadkan Allah bersifat *Kamalat* (sifat kesempurnaan) dan Maha Suci dari sifat kekurangan.
4. Membahaskan masalah-masalah keimanan yang menjadi keistimewaan yang unggul dalam aqidah dan tauhid yang tidak didapati perbahasannya secara terperinci dalam ilmu-ilmu yang lain.
5. Mengenal pasti sejauh mana kesahihan iktikad dan keimanan seseorang yang mempercayai Allah, malaikat-malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab Allah, hari akhirat, qadha' dan qadar, tanpa dalil, sama ada dalil naqli atau dalil aqli.
6. Aqidah yang berasaskan dalil naqli adalah aqidah Rasulullah s.a.w. dan aqidah para Sahabat Baginda.

7. Aqidah seseorang yang berasaskan dalil naqli atau dalil aqli adalah aqidah yang sah dan sah imannya, dan mereka tidak termasuk dalam golongan orang yang muqallid.
8. Pada zaman Rasulullah s.a.w., ilmu tauhid belum wujud lagi, sekalipun tauhid menjadi dasar utama mengenal Allah dan menjadi pokok ajaran Islam.
9. Semasa hayat Rasulullah s.a.w. Baginda telah mentarbiah para Sahabat sikap dan watak bertauhid, dan peribadi Rasulullah s.a.w. selaku seorang rasul adalah hidup bertauhid.
10. Semangat hidup bertauhid, Islam berkembang ke seluruh dunia, dan menguasai kuasa-kuasa besar ketika itu, iaitu Parsi di timur, dan Romawi di barat.
11. Dengan tertakluknya Parsi dan Romawi di bawah kuasa Islam, buku-buku yang ditemui oleh umat Islam, di perpustakaan lama di negeri Parsi, Yunani dan lain-lainnya diterjemahkan dan dikaji isi kandungannya dengan teliti.
12. Buku-buku dari pemikiran ahli falsafah kuno yang ditemui di perpustakaan Parsi, Yunani dan lain-lainnya merangsangkan daya fikir umat Islam itu sehingga menjadi pemikir baru dan melahirkan idea-idea baru yang tidak semuanya bersifat positif, malah terdapat juga pemikiran baru itu menyesatkan aqidah.
13. Intelektual muslim dan ulama Islam mengkaji pemikiran baru itu dengan berasaskan wahyu Ilahi untuk memastikan sejauh mana kesahihan pemikiran baru tadi dari sudut aqidah dan tauhid.
14. Tauhid sebagai intisari ajaran Islam telah menjadi perbincangan cendekiawan muslim dan para ulama Islam dan menjadi suatu ilmu yang membahaskan keimanan dan iktikad.
15. Seseorang itu boleh membuktikan kewujudan Allah dan keesaan-Nya dengan berdalilkan dalil naqli atau aqli, dan mereka diakui sebagai seorang muslim yang beriman.
16. Seseorang itu boleh juga membuktikan kewujudan Allah dan keesaan-Nya dengan berdalilkan dalil aqli yang *ijmali*, iaitu wujud makhluk-makhluk di alam dunia membuktikan wujud Allah s.w.t.
17. Setiap makhluk yang wujud di alam ini tidak akan wujud sendiri tanpa penciptanya, dan adalah mustahil pada akal fikiran manusia secara logik dan mantiq perkara itu boleh berlaku.

18. Setiap orang yang mukallaf wajib menerima satu hakikat fitrah bahawa langit dan bumi serta makhluk-makhluk yang ada di kedua-duanya dan diri manusia sendiri yang telah wujud di alam ini membuktikan kewujudan Allah dan keesaan-Nya, dan wajib beriman kewujudan Allah dan keesaan-Nya tanpa merasa syak dan ragu-ragu.